

E-village turut muatkan

UM - 7 SEP 2002

CYBERJAYA 6 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, projek perkampungan hiburan (*E-village*) akan diberi nafas baru dengan turut memuatkan kemudahan bagi pembangunan bioteknologi.

Perdana Menteri berkata, kawasan *E-village* se-

luas 720 hektar yang terletak di Dengkil akan dipisahkan bagi membolehkan tiga buah makmal bioteknologi dibangunkan di samping sebuah perkampungan hiburan yang sebenar.

“Kita mungkin akan membangunkannya (*E-village*) di luar kawas-

an yang telah digunakan (oleh pemaju asal) kerana kawasannya agak luas, kira-kira 1,800 ekar (720 hektar).

“Kita akan alihkan sedikit tempat bagi membolehkan kita membina tiga buah makmal untuk bioteknologi dan sebuah *E-village* sebenar,” kata Perdana Menteri.

kemudahan pembangunan bioteknologi

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar pada hari kedua mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) Keenam di Cyberview Lodge di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas mengenai *E-village* yang tertangguh sejak

awal 2001 selepas pemaju asalnya, Entertainment Village Sdn. Bhd. (EVSB), gagal menyiapkan projek tersebut selepas menghadapi masalah kewangan.

Projek *E-Village* dilancarkan oleh Dr. Mahathir pada 8 September 2000 untuk menyediakan kandungan bagi aplikasi per-dana dan hiburan.

Menurut Perdana Menteri, projek itu gagal disipkan kerana pemaju asalnya gagal membuat jangkaan tepat mengenai jumlah dana yang diperlukan bagi membiayainya.

“Kita sedang berusaha membawa masuk pelabur baru, tetapi kita menghadapi masalah kerana pela-

bur asal mahu mendapatkan semula wang yang telah dilaburkannya.

“(Bagaimanapun) saya percaya kita dapat mengatasi masalah itu,” kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, perkembangan semasa MSC yang memberangsangkan meyakinkan beli-

au bahawa lebih banyak idea akan diketengahkan oleh syarikat-syarikat bertaraf MSC.

“Kami menjangka lebih banyak idea baru muncul pada masa hadapan bagi meletakkan Malaysia di depan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan,” kata Dr. Mahathir.